

**TEKS UCAPAN**

**YB TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA  
SEMPENA**

**PROGRAM KEMPEN JOM UBAH BERSAMA YB MENTERI DAN  
PENGURUSAN ATASAN**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA  
TAHUN 2019**

**18 JUN 2019 (SELASA)**

**10.00 PAGI**

**KAFETERIA ARAS 4 BLOK B**

**KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berbahagian Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak bin Jaafar  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ong Gua Pak  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Bersyukur kita kepada tuhan kerana dengan izin-nya, kita dapat sama-sama berkumpul pada pagi ini sempena Program Kempen Jom Ubah – hindari penggunaan plastik sekali guna sebagai langkah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir bagi menjayakan Majlis Pelancaran Kempen Jom Ubah yang dianjurkan oleh pihak Kementerian.
3. Kehadiran kita semua pada pagi ini, membuktikan keprihatinan serta komitmen padu untuk bersama-sama menyemarak, menyayangi,

melindungi, memelihara serta memulihara alam sekitar yang dipinjamkan atau diamanahkan kepada kita semua untuk generasi akan datang.

4. Tahniah dan syabas juga diucapkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Kerja Raya selaku penganjur utama program ini.

**Hadirin dan hadirat sekalian,**

5. Tujuan utama Kempen Jom Ubah ini diadakan adalah untuk menimbulkan kesedaran dan perubahan minda kepada seluruh warga Kementerian khususnya, mengenai kepentingan bagi mengurangkan penggunaan produk biodegradasi sama ada demi menjaga kesihatan mahupun menjaga alam sekitar. Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk menangani masalah alam sekitar khususnya yang berpunca daripada pencemaran ekoran penggunaan barangan plastik sekali guna demi mewujudkan persekitaran yang lebih sihat.
6. Sebagai makluman, Kerajaan amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan buruk kepada alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara.
7. YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Julai 2018 telah memberi perhatian dan penekanan serius agar

dilaksanakan larangan penggunaan produk-produk plastik sekali guna bermula dengan beg plastik dan straw plastik.

8. Apa itu plastik sekali guna? Plastik sekali guna bermaksud bahan yang diperbuat daripada plastik yang hanya digunakan sekali sahaja dan kemudian dibuang.
9. Sehubungan itu, Jemaah Menteri telah meluluskan ***Malaysia's Road Map Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030*** pada 10 Oktober 2018 dan menyarankan semua Kementerian termasuklah Kementerian Kerja Raya untuk memainkan peranan mengurangkan penggunaan plastik dengan cara mengadakan kempen-kempen seperti tiada lagi penggunaan produk-produk *plastic single-use* di pejabat Kerajaan.
10. Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2018 bertarikh 27 November 2018 juga bersetuju supaya semua Kementerian / Agensi memberikan kerjasama dalam pelaksanaan *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics*.
11. Semua Kementerian / Agensi hendaklah melaksanakan kempen dan program berkaitan *Zero Single-Use Plastics* di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program-program kerajaan seperti berikut:
  - (a) Menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;

- (b) Menggantikan pembalut plastik (*plastic wrap*) di piring/ pinggan/ mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;
  - (c) Tidak menyediakan pinggan/ piring/ mangkuk/ cawan/ kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan
  - (d) Menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.
12. Sehubungan itu, saya menggalakkan semua warga Kementerian supaya bermula hari ini:
- (a) Membawa bekas makanan, sudu, garfu dan penyedut minuman yang boleh diguna semula untuk kegunaan peribadi;
  - (b) Menggunakan beg woven atau beg khas yang boleh diguna semula semasa membeli makanan dan minuman di kafeteria;
  - (c) Menguar-uarkan amalan terbaik yang dilaksanakan di dalam semua platform komunikasi terutamanya media sosial bagi menjayakan kempen ini; dan
  - (d) Memberikan penghargaan kepada warga kerja yang komited dalam mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.
13. Saya yakin dengan program dan kempen yang dianjurkan ini dapat memberi manfaat kepada semua warga Kementerian khususnya.

14. Maka dengan ini, saya dengan sukacitanya **merasmikan Kempen Jom Ubah - hindari penggunaan plastik sekali guna sebagai langkah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar di Kementerian Kerja Raya mulai 18 Jun 2019.**

Sekian, terima kasih.